

# Siapkan diri sambut sinar Ramadan

Oleh Nor Atika Adenan

**R**amadan adalah bulan tarbiyah iaitu bulan untuk melatih dan mendidik diri kita agar keimanan kepada Allah menjadi lebih kental.

Dengan menahan lapar dan dahaga, ia juga adalah untuk melatih fizikal kita supaya lebih tahan dan laskak dalam menghadapi cabaran berpuasa.

Melalui ibadah itu kita dapat memahami erti ketaatan dan ketulusan dalam ibadah kepada Allah.

Selain itu, kita dapat menyelami kesusahan dan ke-daifan fakir miskin yang selalu saja mengikat perut dek kelaparan. Jika makan sekalipun, acapkali mereka hanya makan secara ala kadar dan kadangkala tidak berlauk.

Namun, yang lebih penting puasa dapat mendidik hati dan jiwa kita agar lebih prihatin terhadap nasib sesama insan. Kita akan menjadi lebih ramah dan suka untuk menghulurkan bantuan.

Pada masa sama kita lebih mengerti semangat kebersamaan dalam entiti sosial iaitu tolong-menolong atas dasar kebajikan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Maidah, ayat 2 antara lain bermaksud: *"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."*

Puasa Ramadan selama sebulan adalah satu kewajipan ke atas Muslim dan Muslimat. Oleh kerana itu, janganlah kita menganggapnya sebagai perkara remeh dan culas untuk tidak melaksanakannya.

Ketika ini sinar Ramadan semakin dekat. Oleh itu, ada baiknya kita membuat persediaan untuk menghadapinya supaya ibadah pada bulan berkenaan dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Pertama, bertaubatlah kita dengan sebenar-benar taubat. Hal ini penting supaya kita dapat melakukan ibadah dengan hati yang lapang dan tenang.

Firman-Nya dalam surah an-Nur, ayat 31 bermaksud: *"...dan bertaubatlah kamu se-*

*kalian kepada Allah, wahai orang yang beriman supaya kamu berjaya."*

Kedua, perbanyakkan doa kepada Allah SWT agar dapat kita berjumpa dengan Ramadan. Sesungguhnya Ramadan adalah bulan yang sangat istimewa sehinggakan pahala ibadahnya digandakan oleh Allah.

Ajal dan maut di tangan Tuhan, tetapi kita perlu berdoa semoga berpeluang bertemu Ramdan untuk beribadat kepada Allah.

Bergembiralah kita dengan kedatangan Ramadan. Di dalamnya terkandung rahmat dan nikmat yang tidak terhingga buat hamba yang bertakwa.

Ia adalah bulan kebaikan dengan semua pintu syurga dibuka sementara semua pintu neraka ditutup.

Pada Ramadan, al-Quran diturunkan dan berlakunya peristiwa penting dalam takwim Islam seperti Perang Badar.

Firman-Nya dalam surah Yunus, ayat 58 bermaksud: *"Katakanlah: Dengan kurniaan Allah dan rahmat-Nya, maka yang demikian itulah mereka bergembira, itulah yang lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan."*

Ketiga, tambahlah ilmu agar dapat mengenal hukum puasa dan mengetahui keutamaan Ramadan.

Pengetahuan mengenai hal itu penting supaya amalan kita lebih sempurna dan yang lebih penting tidak terbatal ataupun tertolak. Jika amalan kita tertolak, nyata kita dalam kerugian.

Allah berfirman dalam surah al-Asr, ayat 2 bermaksud: *"Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian."*

Justeru, ambillah kesempatan yang ada ini untuk membelek buku ilmiah ataupun mengikuti majlis ilmu baik di surau pejabat, sekolah mahupun masjid. Jangan sampai masuk saja Ramadan kita menjadi tidak ketahuan untuk beramal.

Sebelum terlupa, seperkara lagi harus diberi perhatian ialah mengurangkan aktiviti tidak bermanfaat seperti menonton program hiburan dan acara muzik melalaikan.

Didiklah rohani dengan perkara yang membawa ke-redaan Ilahi. Marhaban ya Ramadan!

*Penulis ialah penuntut ijazah sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia*